

**Labu Sayong Warisan Kraftangan Kuala Kangsar, Perak**

Nurul Shanilza binti Jamel  
Saidatul Khodijah binti Jamal  
Mazlina Pati Khan

**Fakulti Pengurusan Maklumat**  
**UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

**ABSTRAK**

*Artikel ini menerangkan tentang seni warisan kraftangan Labu Sayong yang amat terkenal di Perak terutamanya di kawasan Kampung Kepala Bendang, Kuala Kangsar, Perak. Labu Sayong ini sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat di Malaysia malah Labu Sayong ini juga sudah menjadi simbol kemegahan negeri Perak. Kepentingan kajian yang diperolehi daripada hasil kajian ini ialah dapat meningkatkan penyelidikan mengenai Labu Sayong ini seterusnya dapat memberi lebih pengetahuan kepada komuniti tentang kepentingan Labu Sayong ini agar tidak lapuk ditelan zaman. Kajian dilaksanakan menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu temubual lisan bersama seorang responden yang juga merupakan seorang pakar pembuat Labu Sayong generasi ke-lima. Dapatan dari hasil kajian ini adalah berkaitan tentang bahan-bahan pembuatan Labu Sayong, cara-cara pembuatan dan jenis Labu Sayong. Bahan utama yang diperlukan untuk membuat Labu Sayong ialah tanah liat. Tanah liat yang elok, diambil satu kaki dari permukaan bumi kerana keadaan tanah tersebut elok dan sesuai untuk digunakan semasa proses pembuatan Labu Sayong. Cara pembuatan Labu Sayong juga terbahagi kepada dua jenis iaitu, kaedah tradisional dan moden. Kaedah tradisional menggunakan seratus peratus penggunaan tangan dari pengambilan tanah liat hingga ke proses pembuatan. Manakala kaedah moden pula menggunakan mesin khas bagi memproses tanah liat untuk dijadikan Labu Sayong.*

**Kata kunci:** *Labu Sayong, tradisional, moden, tanah liat, porselin*

**ABSTRACT**

*This article describes the heritage art of Labu Sayong handicrafts that are very famous in Perak, especially in Kampung Kepala Bendang, Kuala Kangsar, Perak. Labu Sayong is no stranger to the community in Malaysia and even Labu Sayong has become a symbol of the glory of Perak. The importance of the study obtained from the results of this study is to be able to increase research on Labu Sayong and then be able to provide more knowledge to the community about the importance of Labu Sayong so that it does not become obsolete. The study was conducted using a qualitative research method which is an oral interview with a respondent who is also an expert in the fifth generation of pumpkin makers. Findings from the results of this study are related to Labu Sayong manufacturing materials, manufacturing methods and types of Labu Sayong. The main material needed to make pumpkin is clay. Good clay, taken one foot from the surface of the earth because the condition of the soil is good and suitable for use during the manufacturing process of Labu Sayong. How to make Labu Sayong is also divided into two types, namely, traditional, and modern methods. Traditional methods use one hundred percent the use of hands from the collection of clay to the manufacturing process. The modern method uses a special machine to process clay to make Labu Sayong.*

**Keywords:** *Labu Sayong, traditional, modern, clay, porcelain*

**PENGENALAN**

Pembuatan tembikar sememangnya wujud sejak dari zaman pra-sejarah lagi, kemudian ia bersusur galur sehinggalah ke hari ini dengan kewujudan tembikar tradisi di semua negara yang masih kita dapat lihat pada hari ini. Sehingga kini perusahaannya masih lagi hidup di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji berkenaan pembuatan Labu Sayong di Kuala Kangsar, Perak. Labu Sayong ialah hasil seni kraftangan yang diperbuat daripada tanah liat yang diuli, diterap dengan pelbagai

corak, lalu diasapkan serta dibakar bagi menghasilkan satu rupa bentuk yang sungguh unik, cantik dan berseni. Labu Sayong termasuk dalam penghasilan seni tembikar.

Selain itu, Labu Sayong juga dikatakan berasal daripada labu yang asalnya dibawa ke Sayong oleh Tuk Kaluk yang pada ketika itu datang dari Minangkabau pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar. Tuk Kaluk pula merupakan salah seorang yang mempunyai hubungan baik dengan istana pada saat itu. Tuk Kaluk telah dianugerahkan tanah oleh sultan di Kampung Kepala Bendang sebagai penghargaan kepada kebolehannya dalam membuat hasil pertukangan seperti pedang, parang dan juga tembikar yang banyak membantu penduduk setempat dan negeri pada ketika itu. Maka, Tuk Kaluk pun terus mengajar penduduk setempat untuk membuat Labu Sayong sehinggalah penduduk di kampung tersebut pandai dan mahir membuat Labu Sayong dengan sendiri sehingga ke hari ini. Penggunaan Labu Sayong dalam kehidupan seharian kian meluas. Selain itu, Labu Sayong ini juga bukan sahaja digunakan oleh rakyat biasa tetapi golongan istana turut menggunakannya sepertimana yang dicatatkan oleh Raja Chulan dalam Misa Melayu tentang sewaktu Sultan Iskandar Zulkarnain menghilir sungai dari Istana Pulau Cempaka Sari, baginda turut membawa tembikar tanah atau Labu Sayong yang digunakan sebagai bekas air minuman dan untuk bersiram. (Azmi Arifin, Muhamad Luthfi Abdul Rahman & Tarniji Masron, 2010).

Secara fizikal Labu Sayong berwarna hitam banyak didapati di Sayong, daerah Kuala Kangsar, Perak, dengan adanya kewujudan labu hitam ini adalah dikatakan daripada buah labu tua yang telah dikeluarkan isinya dan dibersihkan sebelum ia dijadikan sebagai bekas untuk menyimpan air. Pada masa dahulu, Labu Sayong ini adalah alat yang penting untuk digunakan sebagai bekas menyimpan air minuman di majlis kenduri. Keistimewaannya adalah airnya yang sejuk dan dikatakan menjadi asbab boleh menawarkan beberapa jenis penyakit seperti batuk dan demam panas. Di samping itu juga, ia digunakan sebagai bekas air sewaktu menziarahi tanah perkuburan. Motif ukirannya pula banyak yang menjurus kepada unsur tradisional iaitu bunga tanjung, padi, lawang, cengkih dan

pucuk rebung. Jadi, dalam kajian ini, penyelidik telah memilih Encik Pareb bin Zamari yang merupakan anak jati Kampung Kepala Bendang, Kuala Kangsar, Perak yang berpengalaman serta berpengetahuan dalam pembuatan Labu Sayong.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji tentang pembuatan Labu Sayong. Terdapat beberapa permasalahan kajian yang telah dikenal pasti dalam kajian ini antaranya ialah kurangnya kajian yang dilakukan tentang pembuatan Labu Sayong secara menyeluruh. Hal ini demikian kerana menurut kajian yang dibuat oleh Fazliana Omar (2018), beliau menceritakan tentang asimilasi tembikar sayong sebagai produk seramik kontemporari di Malaysia selain menjelaskan juga tentang reka bentuk tembikar tradisional dan jenis-jenis Labu Sayong. Selain itu, dalam artikel yang dibuat oleh Salwa Ayob (2019) pula menyatakan tentang intipati bentuk, motif dan juga rupa Labu Sayong dengan lebih khusus. Berdasarkan kajian daripada Hamdzun haron dan Narimah Abdul Mutalib (2014), mereka mencatatkan mengenai bahagian teknikal analisis dalam inovasi Labu Sayong melalui teknologi pengacuan. Sungguhpun terdapat beberapa kajian mengenai Labu Sayong dalam aspek pengetahuan namun begitu pengkaji juga akan memfokuskan pada bahagian pemprosesan Labu Sayong secara tradisional dan moden. Oleh sebab itu, kajian ini perlu dilakukan bagi mengumpul kan maklumat mengenai pemprosesan Labu Sayong agar dapat dijadikan sebagai rujukan dalam meneruskan legasi memelihara salah satu warisan negara.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- Untuk mengkaji asal usul Labu Sayong dengan lebih terperinci.
- Untuk mengenalpasti cara-cara pembuatan, teknik moden dan tradisional, cara penyimpanan serta penggunaan Labu Sayong

- Untuk mengetahui cabaran dan kaedah yang digunakan dalam pemasaran Labu Sayong.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Berikut adalah persoalan kajian bagi kajian ini:

- Apakah asal-usul Labu Sayong?
- Bagaimanakah proses pembuatan, teknik moden dan tradisional, cara penyimpanan serta penggunaan Labu Sayong?
- Apakah cabaran yang dihadapi dan kaedah yang digunakan dalam pemasaran Labu Sayong?

### **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Terdapat beberapa kepentingan dan sumbangan dalam melaksanakan kajian mengenai pembuatan Labu Sayong ini. Antaranya adalah penyelidik dapat menambahkan bilangan penyelidikan berkenaan dengan pembuatan Labu Sayong. Selain itu, kajian ini dapat meluaskan lagi impak maklumat kepada masyarakat, organisasi atau agensi yang berkaitan dalam mengembangkan lagi ilmu dalam bidang pembuatan Labu Sayong. Hal ini dapat dipastikan dengan adanya penyelidikan lebih ramai yang akan cakna berkenaan kajian yang dilaksanakan. Seterusnya, hal ini juga boleh memberikan sumbangan kepada negara supaya warisan negara seperti Labu Sayong ini dapat dikekalkan dan dapat diteruskan untuk generasi yang akan datang. Dorongan dalam menghasilkan kajian ini adalah bagi membuka mata masyarakat khususnya bahawa bidang seperti ini perlu dijaga dan dipelihara dalam mengekalkan warisan negara Malaysia sungguhpun sudah menjalani kehidupan yang serba moden dan canggih.

### **TINJAUAN LITERATUR**

Labu Sayong yang lebih dikenali sebagai jenis bekas tembikar yang bernama labu berwarna hitam menjadi produk perusahaan di negeri Perak. Fungsinya adalah sebagai tempat menyimpan bekas yang dihasilkan daripada tanah liat. Melalui tinjauan kajian yang dilakukan, bahan utama yang digunakan dalam pembuatan Labu Sayong sudah tentunya tanah liat. Dalam kajian yang dilakukan oleh Hamdzun Haron dan Narimah Abd Mutalib (2014) memperlihatkan model Labu Sayong diperbuat daripada tanah liat yang sebenar dari blok "*Plaster of Paris*". Penggunaan mesin "*jolly jigger*" dalam proses pembuatan Labu Sayong digunakan dan dihasilkan dengan menggunakan kaedah pemangkasan. Setelah itu, daripada bentuk silinder akan bertukar menjadi bentuk kendi tanah liat. Terdapat juga penggunaan beberapa jenis pisau dalam proses pembuatan Labu Sayong ini. Seterusnya model Labu Sayong itu akan dikeringkan sehinggalah proses pembuatan acuan dimulakan. Secara amnya, acuan dalam pembuatan Labu Sayong juga menggunakan bahan yang sama iaitu "*Plaster of Paris*".

Pada awalnya, sejarah pembuatan Labu Sayong hanya dilakukan secara tradisional. Namun, semakin berkembang arus kemodenan eknik pembuatan Labu Sayong ini juga berkembang pesat dengan mula menggunakan cara moden. Seperti yang kita sudah sedia maklum bahawa, Labu Sayong merupakan warisan negara yang berharga perlu dipelihara. Menurut Fazliana Omar dan Tajul Shuhaizim Said (2018), cara yang berperingkat-peringkat digunakan dalam proses pembuatan Labu Sayong iaitu bermula daripada pemilihan dan penyediaan tanah. Apabila tanah yang diambil dikeringkan, ditumbuk dan diayak maka tanah itu akan diuli pula menjadi padat dan bebas daripada gelembung udara. Beberapa eknik digunapakai dalam proses membentuk labu seperti eknik picit dan lingkaran. Secara khususnya, lingkaran tanah yang dipicit dibentuk menjadi bentuk badan, leher, kepala dan muncung bagi penghasilan sempurna Labu Sayong.

Selain daripada pembuatan Labu Sayong dengan menggunakan tanah liat tempatan, kini perusahaan Labu Sayong semakin mengorak langkah dalam penggunaan tanah liat yang diimport juga. Menurut Rozdan Mazalan (2019) yang menemubual salah seorang pembuat Labu Sayong bahawa beliau juga

mengimport “*Porcelain*” dari Jepun selain daripada tanah liat sayong bagi tujuan pengeluaran tembikar dan labu untuk ketahanan yang tinggi. Tidak diragukan bahawa tanah sayong lebih mempunyai banyak kelebihan dan tidak perlu dicampurkan dengan mineral lain untuk menjadikannya tahan lebih lama. Namun, berlainan dengan “*Porcelain*” yang perlu ditambahkan dengan bahan lain agar ia lebih tahan lama. Hal ini demikian kerana “*Porcelain*” akan menjadi lebih kuat apabila bahan lain ditambah dan seterusnya dapat menghasilkan lebih banyak tembikar dengan menggunakan kaedah moden oleh sebab ketahanannya dalam pembakaran yang dapat mencapai suhu sebanyak 1,250 darjah Celcius.

Pemasaran Labu Sayong ke tahap antarabangsa dapat diperlihat sebagai salah satu langkah untuk meneruskan dan mengekalkan legasi pembuatan Labu Sayong. Oleh itu, usaha meningkatkan pasaran eksport produk kraftangan Labu Sayong perlu diperhebatkan dengan bantuan agensi kraftangan negara. Jadi, kualiti produk dan reka cipta yang berinovasi perlu ada bagi kehendak penilaian antarabangsa. Menurut Mohd Yusof, produk kraftangan Labu Sayong ini berjaya mengeksport lebih kurang 2000 biji Labu Sayong ke luar negara pada tahun 2016. Hal ini demikian menjadikan Projek Kraf Kampungku (KKK) perlu bertanggungjawab membantu dalam peningkatan keupayaan dan pengukuhan pengusaha-pengusaha Labu Sayong untuk meningkatkan lagi kemahiran produktiviti secara giat. (Segenap Global, 2017)


Sungguhpun begitu, sememangnya kini terdapat banyak perusahaan Labu Sayong yang semakin berkembang dengan pesat di Malaysia. Sudah tentu industri Labu Sayong ini juga tidak terlepas daripada menghadapi masalah dan cabaran dalam mendepani arus pemodenan. Menurut Azmi Ariffin, Muhammad Luthfi Abdul Rahman dan Tarimiji Masron (2010) menyatakan bahawa untuk terus maju dan kekal dalam persaingan menjadi halangan pembuatan Labu Sayong secara tradisional. Hal ini demikian kerana pengusaha-pengusaha sudah mula berubah kepada penggunaan teknik pembuatan Labu Sayong secara moden dan hal ini memberi implikasi kepada kekurangan modal, cara promosi dan latihan kurang diberi perhatian bagi mereka yang masih berada dalam pembuatan Labu

Sayong secara tradisional. Selain itu, pemasaran Labu Sayong secara tradisional dikatakan kurang hebat dan kurang menguntungkan disebabkan oleh penghasilannya yang secara kecil-kecilan sahaja. Proses pengeluaran mengambil masa yang lama dan tidak tetap kerana bergantung kepada keadaan musim, cuaca dan kesihatan tukang menjadi faktor kepada cabaran dalam industri Labu Sayong.


Jadi, kepentingan dalam membuat penyelidikan terhadap pembuatan Labu Sayong ini perlu diperluaskan lagi agar segala maklumat yang diperolehi dapat memberikan manfaat kepada para pengkaji yang lain seterusnya dapat menambahkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat luar bahawa pentingnya menjaga warisan negara kita.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Penyelidik menjalankan kajian dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu melalui temubual bersama tokoh mengenai pembuatan Labu Sayong yang dijalankan selama 2 jam. Temubual ini dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Google Meet. Tokoh tersebut ialah Encik Pareb bin Zamari yang merupakan seorang pembuat Labu Sayong di KZ Kraf Labu Sayong, Kampung Kepala Bendang, Kuala Kangsar, Perak. Semasa di awal usia 18 tahun, beliau sudah mula belajar membuat kraf tangan dan berjaya melanjutkan pelajaran ke negara Jepun dalam bidang pengajian seramik. Lebih menarik lagi, beliau juga berjaya mendapatkan anugerah pelajar terbaik semasa berada di sana. Di samping itu, penyelidik memilih tokoh tersebut dalam kajian ini kerana beliau merupakan pengusaha generasi kelima yang pengalaman dan pengetahuan selama 20 tahun lebih dalam pembuatan Labu Sayong. Secara ringkasnya, prosedur pengumpulan data adalah seperti yang berikut:







Gambarajah 1: Prosedur Pengumpulan Data

## HASIL KAJIAN

### Bahan Pembuatan Labu Sayong

Tanah liat merupakan antara bahan utama yang digunakan dalam menghasilkan sebuah Labu Sayong yang berkualiti tinggi. Penggunaan tanah liat adalah penting dalam memudahkan pembuatan Labu Sayong dibentuk mengikut kehendak si pembuat. Pemilihan tanah liat juga dilakukan di sekitar Kampung Kepala Bendang yang sudah menjadi sumber tanah liat sejak zaman dahulu lagi

(Pareb, 2020). Apa yang menarik tentang pemilihan tanah liat dalam pembuatan Labu Sayong ialah tanah liat akan diambil satu kaki dari permukaan bumi. Menurut responden kajian ini, beliau menyatakan bahawa tanah yang berada kurang satu kaki dari permukaan bumi tidak sesuai kerana tanah tersebut mungkin berbekas setelah dipijak di atasnya. Maka tidak sesuai untuk diambil tanah yang kurang satu kaki daripada aras permukaan bumi. Namun menurut pengalaman beliau, tanah liat juga akan diambil mengikut kedudukan geografi tanah liat itu sendiri. Beliau pernah mengambil tanah liat yang berkedalaman lima kaki dari aras permukaan bumi untuk tujuan pembuatan Labu Sayong yang dijamin kualitinya.

Menurut pakar pembuat Labu Sayong, sumber tanah liat tidak menjadi masalah untuk diproses menjadi sebuah Labu Sayong kerana tanah liat masih lagi digunakan sebagai bahan utama dan sumber untuk mendapatkan tanah liat ini masih lagi boleh diperolehi dengan mudah di sekitar kawasan Kampung Kepala Bendang. Tetapi, penggunaan tanah liat yang sudah lama juga memberi sedikit kesan kepada proses penghasilan Labu Sayong namun, tidak menjejaskan kualiti sebuah Labu Sayong (Pareb, 2020). Tanah liat yang digunakan untuk membuat semua jenis Labu Sayong adalah menggunakan satu jenis tanah liat sahaja. Oleh itu, penjagaan tanah liat juga haruslah dijaga dengan baik agar dapat digunakan dengan lebih lama. Menurut responden kajian, beliau menempah bekalan tanah liat daripada pembekal-pembekal yang berada disekitar Kampung Kepala Bendang kerana secara tidak langsung dapat memudahkan proses pembuatan Labu Sayong serta menjimatkan masa untuk mencari tanah liat. Pemilihan kawasan sumber tanah liat juga sangat dititikberatkan kerana keunikan tanah yang diperolehi dari turun temurun dapat mengekalkan kualiti Labu Sayong seperti dulu kala.

Nisbah penggunaan tanah liat yang diperlukan dalam pembuatan Labu Sayong adalah bergantung kepada saiz Labu Sayong yang ingin dihasilkan (Pareb, 2020). Jika saiz yang diinginkan itu sederhana besar maka nisbah tanah yang diperlukan dalam sekitar sekilo atau sekilo setengah. Antara bahan lain yang digunakan pula ialah Natrium Silikat yang mana bahan ini sering digunakan dalam

pembuatan seramik dan kepentingannya pula ialah sebagai sumber ion untuk tanah liat. Selain daripada itu, air juga merupakan antara bahan pembuatan Labu Sayong yang mana digunakan sebagai agen untuk mencairkan tanah liat untuk tujuan pembentukan sebuah Labu Sayong yang sempurna.

### **Teknik Pembuatan Labu Sayong**

Sejarah pembuatan Labu Sayong di Kampung Kepala Bendang adalah bermula dari seorang pengembara yang dikenali sebagai Tuk Kaluk. Menurut salah seorang pembuat Labu Sayong di Kampung tersebut, yang bernama Encik Othman Satar, cara-cara membuat Labu Sayong ini telah dimulakan oleh datuknya sendiri yang berasal dari Minangkabau, Sumatera iaitu Tuk Kaluk pada sekitar tahun 1810 (Azmi Arifin, Muhamad Luthfi Abdul Rahman & Tarmiji Masron, 2010). Tuk Kaluk yang telah mengembara dari Sumatera dan menetap di Kampung Kepala Bendang, memulakan cara-cara pembuatan labu sayong ini lalu diajarkan kepada para penduduk setempat di kawasan tersebut. Lama kelamaan penduduk tersebut mahir dan mengajarkan pula kepada keturunan mereka hinggalah sekarang.

Teknik yang lazim digunakan oleh penduduk lama di Kampung Kepala Bendang ialah teknik tradisional. Walaupun teknik ini dilihat agak susah pada pandangan generasi kini namun penggunaan teknik ini dapat menghasilkan sebuah Labu Sayong yang berkualiti dan mempunyai nilai estetika yang tinggi. Terdapat sembilan (9) cara-cara pembuatan Labu Sayong yang dimulai dengan pengambilan dan pemilihan tanah liat (1), pengeringan (2), penapisan (3), menguli (4), membentuk Labu Sayong (5), mengemas dan melicinkan Labu Sayong (6), penjemuran (7), pembakaran (8) dan terakhir penyempurnaan (9). (Zuliskandar Ramli, Mohd Samsudin, Muhlis Hadrawi, Akin Duli, 2015). Menurut Encik Pareb, pakar dalam pembuatan Labu Sayong yang juga generasi kelima dalam turun

temurun keluarganya, menceritakan teknik-teknik yang digunakan dalam pembuatan Labu Sayong secara manual banyak menggunakan Teknik Picit, Teknik Lingkaran serta Teknik Kepingan. Dalam proses pembentukan sesebuah Labu Sayong, Teknik Lingkaran digunakan untuk membentuk bahagian utama pada Labu Sayong yang kemudian akan dicantum bentuk tersebut pada suatu keadaan dimana bentuk tadi dalam keadaan samada kering atau basah. Selepas ditarik dan dicantum, maka terjadilah kepingan daripada cantuman dan teknik ini dinamakan Teknik Kepingan. Keadaan Labu Sayong selepas dicantum akan menjadi menipis sama tebal dimana keadaan yang elok terjadi bentuknya semasa dicantum menjadi bentuk sebuah Labu Sayong yang sempurna. Bentuk kepingan yang dimaksudkan adalah bentuk Labu Sayong ini mempunyai banyak lekuk pada bahagian badannya.

Impak daripada arus permodenan masa kini, teknik pembuatan Labu Sayong juga turut berkembang selari dengan kemajuan bidang inovasi dan kreativiti. Menurut responden kajian, beliau adalah mahir dalam mempraktikkan kedua-dua teknik pembuatan Labu Sayong samaada yang moden mahupun tradisional. Bagi beliau, meskipun teknik moden ini dapat memudahkan dan meningkatkan produktiviti penghasilan Labu Sayong namun beliau masih lagi menggunakan teknik tradisional ini melalui perkongsian ilmu dan pengetahuan kepada para pelajar dan penyelidik yang datang untuk belajar dan menyelidik mengenai pembuatan Labu Sayong secara tradisional.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada penggunaan teknik moden dalam penghasilan sebuah Labu Sayong pada masa kini, antaranya perubahan cuaca yang tidak menentu seperti taburan hujan di negara ini serta fenomena pandemik Covid-19 yang memerlukan penggunaan mesin yang teknologi tinggi daripada menggunakan sumber manusia. Selain daripada itu, teknik moden ini juga dapat menjimatkan masa dengan mempercepatkan proses pembuatan Labu Sayong serta masih dapat mengekalkan kualitinya seperti teknik tradisional.

Teknik pembuatan Labu Sayong secara tradisional adalah melibatkan proses penghasilan sebuah Labu Sayong dengan menggunakan kemahiran tangan sepenuhnya. Bermula daripada cara pengambilan tanah liat dengan menggunakan cangkul, menjemur tanah untuk dikeringkan di atas helaian guni. Setelah tanah liat kering, proses seterusnya adalah menumbuk, mengayak dan menguli tanah liat tersebut dengan menggunakan kemahiran tangan pembuatnya. Berikut adalah teknik pembuatan Labu Sayong secara tradisional:



Gambar 1: Teknik Pembuatan Labu Sayong secara tradisional (Berita Harian Online, 4  
ogos 2019)

Bagi pembuatan Labu Sayong melalui teknik moden pula melibatkan penggunaan jentera, mesin serta alatan inovasi yang memudahkan serta dapat memendekkan jangka masa penghasilan pembuatan sebuah Labu Sayong. Bermula dengan pengambilan tanah liat yang menggunakan mesin pengeruk tanah yang dapat mengumpul tanah liat dalam kuantiti yang banyak. Tanah liat tersebut kemudian dimasukkan ke dalam mesin pengisar untuk diproses dan seterusnya ditapis dan dimasukkan kedalam acuan yang direka untuk dibentuk menjadi sebuah Labu Sayong. Akhir sekali, iaitu diperingkat pengakhiran dimana Labu Sayong dicat dan dicantikkan dengan menggunakan kemahiran tangan dan kemudian dibakar.

### Jenis Labu Sayong


### 1. **Labu Sayong Panai**

Menurut Encik Pareb, Labu Sayong Panai merupakan antara jenis labu yang memakan masa yang lama dalam proses penghasilannya. Nama Labu Sayong Panai ini diperolehi daripada garisannya yang dipanggil sebagai panai. Garis-garis yang dipanggil panai ini dihasilkan dengan menempelkan tanah pada badan labu atau mengukir badannya dengan alat pengukir yang dibuat sendiri oleh tukang-tukang ini. Terdapat juga panai yang dihasilkan dengan teknik gurisan. Teknik ini tidak meninggalkan kesan timbul pada badan labu (Albert, 2009).. Kini, Labu Sayong yang dihasilkan terdapat pelbagai bentuk yang di yang boleh dihasilkan mengikut permintaan pelanggan, jika selera pelanggan memilih untuk membeli Labu Sayong berbentuk sekaki maka dibuatlah oleh tukang Labu Sayong. Malah pelanggan juga boleh menentukan saiz yang diinginkan mengikut keperluan masing-masing.

### 2. **Labu Sayong porselin**

Responden kajian mempunyai pengalaman mempelajari tentang teknik dan cara-cara pembuatan tembikar selama setahun di Jepun. Di sana beliau mendalami teknik pembuat Labu Sayong dan mendapat idea untuk mengolah bahan utama untuk pembuatan Labu Sayong dari menggunakan tanah liat kepada penggunaan tanah Porselin. Menurut beliau tanah porselin ini mempunyai ciri-ciri eksklusif dari segi warna yang tampak lebih moden dan cantik. Ini adalah kerana kebanyakan pembeli dan penggemar Labu Sayong pada masa kini lebih mementingkan penampilan fizikal sesebuah Labu Sayong untuk dibuat perhiasan. Labu Sayong porselin ini sangat sesuai untuk mereka yang inginkan pengalaman merasa sendiri barang perhiasan mewah dengan harga yang berpatutan. Ini adalah kerana kombinasi warna yang menarik dengan campuran warna kelabu dan biru yang menampakkan ciri-ciri perhiasan ala Timur Tengah. Walaupun coraknya tidaklah terlalu abstrak namun, corak minimal sahaja iaitu garisan yang dilukis di atas Labu Sayong ini sudah memberikan kepuasan pada

pengguna. Pengguna yang lebih gemarkan konsep moden sangat disyorkan untuk membeli Labu Sayong yang menggunakan tanah porselin ini.



Rajah 3: Labu Sayong yang diperbuat daripada tanah porselin

### **Penjagaan Labu Sayong**

Kaedah penjagaan Labu Sayong kurang dibincangkan dan kebanyakan pembeli tidak didedahkan tentang tata cara penjagaannya. Antara kaedah penjagaan yang perlu dititikberatkan oleh penggunaanya adalah elemen kebersihan dan cara pengendalian yang rapi memandangkan Labu Sayong ini merupakan sebuah tembikar yang mudah pecah. Cara pengendalian yang betul dengan memegang Labu Sayong dengan menggunakan kedua-dua tangan bagi mengelakkan terjatuh kerana struktur permukaannya yang licin dan tidak bertangkai. Selain daripada itu, Labu Sayong tidak perlu disimpan di tempat yang bertutup dan tidak boleh terdedah kepada cahaya yang panas kerana balas haba yang berlebihan boleh menyebabkan air yang disimpan di dalam Labu Sayong kurang sejuk. (Pareb, 2020).

### **Pemasaran Labu Sayong**

Pada masa kini, industri kraftangan negara juga turut berkembang mengikut peredaran teknologi yang melangkaui sempadan dunia. Responden

kajian juga berkongsi kaedah pemasaran Labu Sayong yang turut dipasarkan di media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram* syarikat diterajui oleh beliau yang bernama KZ KRAF Enterprise (citedkan sumber ini). Menurut beliau, tempahan pasaran Labu Sayong ini bukan sahaja tertumpu kepada pasaran lokal, namun berkembang dengan luas ke peringkat antarabangsa seperti Jepun, US, France dan China. Kita sebagai rakyat Malaysia harus berbangga dengan hasil kraf tangan dari negara kita yang mana telah menempa nama ke luar negara serta Labu Sayong ini juga mendapat perhatian dari pelanggan di Timur Tengah. Seperti yang kita sedia maklum, negara di Timur Tengah juga terkenal dengan penghasilan tembikar sebagai perhiasan untuk mencantikkan lagi keadaan rumah mereka. Selain daripada kaedah pemasaran di media sosial, beliau juga turut mempromosikan produk keluaran syarikat beliau dengan menerima kedatangan pelancong-pelancong asing ke syarikat beliau. Kebanyakan pelancong ini terdiri daripada pengembara dari dalam dan luar negara seperti Switzerland dan Perancis.

### **Cabaran dalam industri Labu Sayong**

Cabaran yang utama dihadapi dalam seni warisan negara adalah kelestarian seni budaya warisan kepada generasi muda masa kini. Seni kraftangan Labu Sayong juga tidak ketinggalan menghadapi situasi yang sama apabila tidak ramai anak muda pada masa kini kurang menunjukkan minat dalam mempelopori bidang kraftangan ini. Responden kajian menjelas bahawa menjadi satu kerugian yang besar jika seni warisan unik tinggalan nenek moyang ini tidak diwarisi oleh masyarakat masa kini. Malah, beliau juga menerangkan kepada pengkaji tentang kepentingan mempunyai jatidiri, semangat, minat serta disiplin yang tinggi pada seseorang yang ingin mempelajari seni warisan kraftangan ini.

Dunia pada hari ini dikejutkan dengan kehadiran wabak pandemik Covid-19 yang ternyata melumpuhkan aspek perkembangan seluruh industri. Wabak ini juga tidak ketinggalan memberikan tamparan yang hebat kepada sektor seni kraftangan negara. Menurut responden kajian, Encik Pared yang berkongsi



tentang kemerosotan perniagaan yang mendadak pada tahun 2020. Ini adalah kerana pihak kerajaan mengishtiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melarang beberapa aktiviti keraian diadakan terutamanya penganjuran majlis-majlis perkahwinan. Hal ini kerana, salah satu faktor keuntungan utama perniagaan beliau adalah menyediakan tempahan Labu Sayong sebagai cenderahati perkahwinan. Jika sebelum ini tempahan diperolehi antara 200 hingga 300 buah Labu Sayong malah beliau pernah menerima tempahan sehingga 1000 buah Labu Sayong. Namun dengan sekatan ini, secara langsung menjejaskan pendapatan perniagaan beliau.

Setiap cabaran pasti ada jalan penyelesaiannya, ianya bergantung kepada cara seseorang individu itu bangkit dari kejatuhan dan mulakan langkah yang baru dan terus berusaha untuk terus maju ke hadapan. Begitulah utuh dan positifnya pemikiran responden kajian dalam menangani isu pandemik yang melanda keluarga serta perusahaannya. Inilah contoh yang diperlukan dalam diri masing-masing malah seharusnya bersyukur masih diberikan nafas yang panjang dalam meneruskan kehidupan dalam kondisi pandemik ini. Perancangan baru haruslah dibina dan diatur dengan baik bagi menangani masalah yang menimpa dan jadikan keadaan sekarang sebagai satu pengajaran dalam kehidupan ini. Begitulah perniagaan Encik Pareb yang kini sedang giat mengatur strategi baru bagi terus melestarikan seni kraftangan ini dan memasarkannya ke peringkat yang lebih tinggi.

Harapan utama beliau dalam seni warisan pembuatan Labu Sayong adalah berharap agar pembuatan seni kraftangan ini dapat dikekalkan dan diwarisi oleh anak muda masa kini dengan daya inovasi dan kreativiti yang moden tanpa menenggelamkan keunikan dan keaslian seramik warisan negara. Beliau juga berharap agar masyarakat kini lebih menghargai seni warisan kraftangan negara sendiri dengan memastikan setiap rumah mempunyai sekurang-kurangnya sebuah Labu Sayong samaada untuk perhiasan mahupun untuk kegunaan harian. Dengan inisiatif ini, secara tidak langsung dapat membantu dan menyokong para pengusaha Labu Sayong untuk membuat dan memasarkan Labu Sayong kepada

masyarakat tempatan dan antarabangsa. Dalam masa yang sama, beliau juga berharap agar para pengusaha Labu Sayong juga perlu memainkan peranan penting dengan memastikan penghasilan kualiti Labu Sayong yang tinggi dan bermutu untuk dipasarkan kepada pengguna.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, perusahaan seni warisan Labu Sayong merupakan sebuah seni kraftangan yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak, walaupun pembuatan seramik ini sedang melusuri arus permodenan, namun kaedah pembuatan tradisional perlu dikuasai dan didokumentasikan untuk tatapan generasi akan datang. Begitu juga dengan penggunaan Labu Sayong yang semakin ditinggalkan, yang mana fungsinya telah berubah daripada kelengkapan utama rumah kepada cenderahati dan perhiasan, namun kualiti dan keunikan seni kraftangan ini masih setanding dan setaraf dengan seni kraftangan di negara lain. Apa yang perlu dilakukan pada masa kini, kelestarian seni warisan kraftangan ini seharusnya perlu diangkat ke peringkat yang lebih tinggi lagi sebagai seni warisan dunia yang mana setiap pihak memandang tinggi terhadap martabat perjuangan seni warisan kraftangan Labu Sayong di Malaysia.

## RUJUKAN

Arifin A., Abdul Rahman M. L. & Masron T. (2013 May 13). *Warisan Tembikar Labu Sayong di Kuala Kangsar, Perak: Sejarah, Perkembangan dan Masa Depan*.

<http://journalarticle.ukm.my/1263/>

Ayob, S. (2019, November 30). *View of tembikar Melayu Tradisi sayong: Pemerian Asal Usul, Intipati Bentuk, Motif Dan Rupa*.

<https://journal.scientiaca.org/index.php/Jappa/article/view/42/20>

Haron H, Yatim O. (2011). *Pengacuan Labu Sayong: Satu Inovasi Untuk Tujuan Komersial*. *Journal Arkeologi Malaysia*

<http://spaj.ukm.my/jurnalarkeologi/index.php/jurnalarkeologi/article/view/58>

- Haron, H., & Abd Mutalib, N. (2014, June 15). *The Innovation of Labu Sayong Manufacturing Technology: A Technical Analysis*. Jurnal Teknologi. <https://journals.utm.my/jurnalteknologi/article/view/2365/2266>
- Jasbindar, F. A. (2019, June 13). *Sejarah Labu Sayong Kuala Kangsar*. Orang Perak. <https://www.orangperak.com/sejarah-labu-sayong-kuala-kangsar.html>
- Kamarudin Z., Abdul Latip N. S., Mansor M., Salleh N. H. and Hakim L. (2013). *Sustainability Of Malay Traditional Craft And Craftsmanship As Cultural Heritage In Kuala Kangsar, Perak, Malaysia* <https://journals.iium.edu.my/kaed/index.php/japcm/article/view/523>
- Mohammad Saad, S. R., Jan Mohamad, R. B., Che Jaafar, C. R., & Wan Jan, N. A. (2012, October 16). *Penukilan Ilmu baharu melalui Sejarah Lisan*. Jurnal PPM. <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=71896>
- Omar, F. (2018, August 7). *Asimilasi Tembikar Sayong sebagai Produk Seramik Kontemporari di Malaysia | KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2277>
- Shima, N. (2019, November 7). *Sejarah Lisan dan Kepentingannya*. PERMAS UPSI. <https://permasupsi.wixsite.com/permasupsi/post/sejarah-lisan-dan-kepentingannya>